

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN : NO. 210

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di kawasan Parlimen Bandar Kuching digunakan semenjak GE14. Jumlah peruntukan. Senaraikan secara terperinci dari segi jenis projek serta jumlah yang dibagikan. Tarikh serta status projek tersebut.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 1 Julai 2019, sebanyak 17 projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) telah diluluskan dan dilaksanakan di Parlimen Bandar Kuching semenjak GE14 dengan kos keseluruhan sebanyak RM611.1 juta melibatkan projek-projek fizikal binaan dan infrastruktur, pembinaan pelabuhan dan jeti, pembelian dan kelengkapan, serta latihan dan pemindahan teknologi. Daripada 17 projek tersebut, lapan projek telah disiapkan, lima projek dalam pelaksanaan manakala empat dalam fasa pra-pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.